

Kawalan p- raya: Arahan Perdana Menteri

IPOH. Ahad (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir mengumumkan pasukan keselamatan telah diarah supaya mengatur strateginya untuk menghadapi sebarang kemungkinan dalam pilihanraya tidak lama lagi.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Hussein Onn telah mengarahkan pasukan keselamatan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya kecaauan yang akan ditimbulkan oleh komunis yang berniat untuk mengambil kesempatan menjelang pilihanraya umum itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil dari semua bahagian UMNO Perak di sini petang semalam, Dato Seri Dr. Mahathir yakin keadaan keselamatan menjelang pilihanraya itu terjamin.

Apabila ditanya sama ada rapat-rapat umum akan dibatalkan dalam pilihanraya kelak, beliau berkata bergantung kepada keadaan masa ketika itu.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak menambah, UMNO negeri telah bersiap sedia menghadapi pilihanraya bila-bila masa.

UMNO yakin

Mengenal kejayaan Barisan Nasional khususnya UMNO, beliau yakin UMNO dapat merampas kerusi-kerusi yang di kosongkan oleh PAS di negeri ini.

Mengenal bakal calon-calon yang akan bertanding dalam pilihanraya di Perak, katanya senarai nama-nama tersebut masih belum diisytiharkan lagi.

Terdahulu dari itu, ketika berucap di perjumpaan tersebut, Timbalan Perdana Menteri menggesa ahli-ahli

UMNO supaya sanggup berkorban bagi menentukan UMNO kekal.

Menurutnya, pengorbanan seumpama itu adalah asas perjuangan UMNO yang telah dapat mengekalkan parti itu untuk menjadi teras pemerintah dan kerajaan.

Katanya, ahli-ahli UMNO hendaklah berpegang kepada prinsip perjuangan UMNO bagi mengekalkan parti itu.

Beliau juga menggesa supaya ahli-ahli UMNO mendekati diri dengan Barisan Nasional setelah keputusan muktamad dibuat oleh parti walaupun terpaksa mengorbankan kepentingan sendiri.

Patuhi putusan

Mengenal pilihanraya akan datang beliau berkata, pilihanraya tersebut adalah berbeza dari pilihanraya yang lalu akibat keluarnya PAS dari Barisan Nasional.

Beliau yakin PAS tidak akan mendapat kemenangan di Perak.

Mengenal perlintikannya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Perak, Dato Seri Dr. Mahathir menerangkan perlintikan itu terpaksa dibuat memandangkan pilihanraya hampir tiba.

Beliau menggesa semua bahagian UMNO di negeri ini memberi kerjasama kepadanya.

Timbalan Perdana Menteri menggesa ahli-ahli parti supaya mematuhi keputusan pucuk pimpinan yang memilih bakal calon-calon dengan mengeneikan kepentingan sendiri.

Soal peribadi tidak harus ditimbulkan setelah keputusan muktamad dibuat oleh parti, tambahnya.

Beliau menyatakan pentingnya disiplin dalam parti dan ahli-ahli patuh kepada arahan parti terutama dalam masa pilihanraya.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyebut bahawa negeri Perak mempunyai bilangan ahli UMNO yang terbesar di Malaysia berjumlah 104,000 orang.

Tetapi, katanya, kekuatan parti tidak hanya bergantung kepada bilangan ahli, tetapi kepada orang yang menyokong UMNO.